

Peranan Kakitangan Akademik dalam Mewujudkan Kesedaran terhadap Keperluan OKU di IPT

(The Role of Academic Staff in Creating Awareness of the Needs of the Disabled in Institutions of Higher Education)

Dr Hazlin Falina Rosli

*Fakulti Pengurusan dan Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

Safura Ahmad Sabri

*Fakulti Pengurusan dan Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

Nurfikhriah Takril

*Fakulti Pengurusan dan Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

Abstrak

Kebolehcapaian dalam sistem pengajaran dan pembelajaran Orang Kurang Upaya (OKU) di institusi pengajian tinggi telah menjadi bualan dan perhatian di peringkat universiti untuk meningkatkan kesedaran terhadap golongan ini. Kesedaran mengenai kecacatan golongan ini sangat penting dalam memperjuangkan hak dan memberikan peluang yang sama rata kepada mereka. Kajian ini menilai peranan kakitangan akademik dalam mewujudkan kesedaran terhadap keperluan OKU di Insituti Pengajian Tinggi (IPT). Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu temu bual mendalam dengan sebelas (11) orang responden yang terdiri daripada enam (6) orang kakitangan akademik yang mengajar pelajar OKU dan lima (5) orang pelajar OKU daripada kategori cacat penglihatan, pendengaran dan lain-lain kategori. Kajian melibatkan perbandingan di dua IPT iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Hasil dapatan yang diperoleh mendapati peranan kakitangan akademik di IPT masih lagi di peringkat rendah. Ini kerana masih terdapat kekurangan dari aspek ilmu pengajaran dan keperluan yang diperlukan apabila berhadapan dengan pelajar OKU di IPT. Maka di dalam kajian ini, pengkaji akan merungkaikan cabaran dan peranan tenaga pengajar dalam merealisasikan pendidikan khas di peringkat IPT. Ini kerana jumlah kecacatan dijangka meningkat, oleh itu, sangat penting untuk lebih banyak program intervensi dan perbincangan menyeluruh disokong meningkatkan kesedaran kurang upaya dalam kalangan masyarakat.

Kata kunci: Kakitangan Akademik, Pelajar OKU, IPT, Keperluan OKU, Pengajaran dan Pembelajaran

Abstract

Accessibility in the education system for the Disabled (OKU) at the tertiary level has become the talk and attention at the university level to raise awareness of this group. Awareness of the disabilities of this group is very important in fighting for their rights and giving them equal opportunities. This study is a necessary problem in academics in creating awareness of the needs of the disabled in Institutions of Higher Learning (IPT). This study uses a qualitative research method of in-depth interviews with eleven (11) respondents consisting of six (6) academic students who teach students with disabilities and five (5) students with disabilities using the categories of visual impairment, hearing and other categories. Competency study in two IPTs at the Selangor International Islamic University College (KUIS) and the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Polytechnic. The findings obtained from the search for academic students in IPT are still at a low level. This is because there is still a lack of knowledge and needs required when dealing with students with disabilities in IPT. So in this study,

Article Progress
Received: 1 February 2022
Revised: 19 February 2022
Accepted: 5 March 2022

the researcher will unravel the challenges and energy of teachers in realizing special education at the IPT level. This is because of the increasing number of disabilities, therefore, it is very important for more intervention programs and comprehensive discussions supported to increase awareness of relationships in the community.

Keywords: Academic Staff, Disable Students, Institutions of Higher Education, Disable Students Need, Teaching and Learning.

1. PENGENALAN

Keperluan pendidikan amat penting dalam membentuk sahsiah dan pembangunan masyarakat. Perkara ini dinyatakan secara jelas dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan usaha berterusan sektor pendidikan negara dalam melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, berketerampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Pendidikan dilihat sebagai satu medium penting dalam usaha mentransformasikan modal insan tanpa mengira latar belakang diri yang berbeza, termasuk dari aspek keupayaan diri seseorang. Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) juga tidak terkecuali dalam hal-hal berkaitan pendidikan ini. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2020), kira-kira 15% penduduk dunia, iaitu merangkumi kira-kira 93 juta kanak-kanak dan 720 juta orang dewasa hidup dengan kekurangan upaya atau kecacatan. Walaupun peratusan ini menunjukkan bahawa OKU merupakan golongan minoriti, namun mereka juga merupakan sebahagian daripada masyarakat serta mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau rights-based dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. Mengikut definisi akta OKU (2008), OKU boleh dikategori kepada tujuh meliputi OKU Fizikal, OKU Penglihatan, OKU Pendengaran, OKU Mental, OKU Pertuturan, OKU Masalah Pembelajaran dan OKU Pelbagai.

Kesamarataan peluang pendidikan untuk golongan OKU adalah setanding dengan pelajar normal. Ini selaras dengan penyediaan peluang dan akses yang diwartakan dalam Akta OKU 2008 yang menetapkan bahawa orang berkeperluan khas tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum walaupun mengalami ketidakupayaan (Akta OKU, 2008). Hal ini demikian kerana golongan OKU ini juga mempunyai cita-cita, minat dan hasrat yang setanding dengan individu normal lain dalam aspek pendidikan, iaitu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka juga perlu diberikan peluang yang sama dengan individu normal yang lain supaya mereka tidak tersisih daripada arus pembelajaran nasional kerana ada dalam kalangan mereka yang mempunyai kecerdasan kognitif setanding dengan individu yang sempurna malah mereka juga mampu melebihi pencapaian pelajar normal. Dengan adanya pengajian di peringkat lebih tinggi, golongan OKU ini berpeluang untuk meningkatkan ilmu, memperkembangkan kemahiran sosial, memperoleh kelayakan akademik dan berpeluang untuk menjana minda mereka. Kesemua pengalaman ini adalah penting dalam usaha memperkasakan mereka (Hurst, 1996).

Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sangat komited dalam menyediakan akses pendidikan di peringkat tertiar serta pendidikan sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran dan kelestarian hidup kepada semua warganegara, termasuk golongan OKU. Usaha berterusan ini diterjemahkan melalui pelaksanaan Dasar Inklusif OKU di IPT oleh pihak KPT dan ianya selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mensejahterakan rakyat tanpa sebarang diskriminasi (KPT, 2021). Perkara yang sama juga turut digariskan dalam Teras Strategik 3, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022, iaitu meningkatkan akses golongan OKU kepada pendidikan yang berkualiti dan inklusif di semua peringkat termasuk pendidikan sepanjang hayat ke arah pembangunan modal insan yang berbakat dan berpotensi tinggi. Ini menunjukkan bahawa pada

hari ini, golongan OKU merupakan golongan yang mula diberi perhatian dan tidak diabaikan dalam pembangunan dan kemajuan negara. Hal ini kerana, tidak dapat dinafikan bahawa seperti mana masyarakat tipikal yang lain, golongan OKU ini juga sebenarnya turut menyumbang terhadap penjana ekonomi negara. Secara umumnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan OKU sebagai seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya.

Selain itu, dalam Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022, OKU ini didefinisikan sebagai seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindra yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. Wan Sabri Wan Husin (2013) pula mendefinisikan OKU sebagai sebuah kelompok atau golongan individu yang mempunyai perbezaan dari segi ciri-ciri neurologi, keupayaan deria, keupayaan berkomunikasi, tingkah laku dan emosi serta ciri-ciri fizikal. Maka, secara tuntasnya, dapat disimpulkan bahawa OKU ini merujuk kepada seseorang yang mempunyai ketidakupayaan tertentu dan menyebabkan keterbatasan tertentu dalam menjalankan kehidupan secara normal serta memerlukan bantuan daripada individu lain dalam sesetengah perkara. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menilai peranan kakitangan akademik dalam mewujudkan kesedaran terhadap keperluan OKU di Insituti Pengajian Tinggi (IPT).

Manakala persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji adalah:

- i. Apakah peranan yang dimainkan oleh kakitangan akademik dalam mewujudkan kesedaran terhadap keperluan OKU di IPT?

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Realitinya pelajar OKU di peringkat pengajian tinggi terpaksa berhadapan dengan halangan persekitaran seperti prasarana fizikal yang sangat terhad atau hampir tiada seperti kemudahan ramp, lif dan juga laluan khas OKU. Halangan persekitaran yang wujud akan memberi kesukaran kepada pelajar OKU untuk bergerak. Sebagai contoh, prasarana fizikal yang tidak menyediakan laluan khas untuk mereka yang menggunakan kerusi roda atau tangga tidak mempunyai *railing* akan membataskan pergerakan pelajar OKU.

Tambahan pula, hasil kajian Hasnah Toran et.al. (2009) mendapati pelajar OKU berdepan dengan sikap negatif dan prejudis dalam kalangan warga kampus yang menganggap mereka adalah beban kepada pelajar lain dan sering dipandang negatif. Pelajar ini kerap merasa rendah diri dan malu dengan kekurangan diri. Berikutan itu, peranan rakan sekampus, peranan dan kesedaran di kalangan kakitangan akademik juga sangat diperlukan oleh pelajar OKU berikutan hubungan baik yang dibina semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Ini turut disumbang oleh kekurangan yang ada pada pelajar OKU yang mungkin menghadkan penyampaian informasi kepada pihak pengurusan. Hasil kajian Hasnah Toran et al. (2010) lebih sedekad yang lalu mendapati kebanyakan responden mempunyai pengetahuan yang baik tentang pelajar OKU dimana responden mempunyai pengetahuan yang betul tentang masalah komunikasi (88.4%). Kekurangan yang ada pada pelajar menghadkan proses penyampaian komunikasi di kalangan pelajar OKU. Berikutan itu, peranan dan kesedaran kakitangan akademik dalam menyampaikan keluhan rintihan dan cadangan daripada pelajar OKU kepada pihak pengurusan sangat penting dalam menyediakan fasiliti yang lebih baik buat pelajar. Dapatan ini turut menyumbang kepada kajian Hazlin, Wan Amizah dan Maizatul (2015) tentang kesamarataan hak OKU di Malaysia yang sering dipandang ringan oleh pihak berwajib.

Pelajar OKU berbeza dengan pelajar normal (Lei, 007; Norasmah & Rofilah, 2013), justeru itu kakitangan akademik di peringkat pengajian tinggi perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknikal yang khusus seperti bahasa isyarat, Braille dan yang berkaitan dengan penyampaian pendidikan terhadap pelajar OKU. Selain kemahiran teknikal, keperibadian yang tinggi, faktor sosial dan budaya juga penting dalam menyampaikan pendidikan kepada pelajar OKU. Oleh itu, latihan menyeluruh perlu disediakan bagi memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ketandusan pengetahuan mengenai pengurusan dan pengajaran dan pembelajaran pelajar OKU disumbang oleh kekurangan input latihan yang komprehensif. Permasalahan ini turut mendapat perhatian dalam kajian yang dilakukan oleh Scheuerman et al. (2003), masalah utama adalah kekurangan pensyarah-pensyarah terlatih dalam mendidik pelajar berkeperluan khas di IPT kekurangan tersebut berada di peringkat kronik. Tiada pendedahan dan latihan yang mantap terhadap golongan pensyarah di IPT menjadi penghalang kepada penyediaan pensyarah yang terlatih dalam mengendalikan pelajar OKU di IPT. Tambahan lagi, bagi menyediakan pendidikan yang efektif, kreatif serta efisien pensyarah IPT haruslah dibekalkan dengan asas kemahiran dalam mengendalikan pelajar OKU.

3. PERANAN KAKITANGAN AKADEMIK TERHADAP PELAJAR OKU DI IPT

Dalam rangka sistem pendidikan di Malaysia, segala keperluan dan kebajikan pelajar OKU di peringkat sekolah sangat dititikberatkan oleh kerajaan di mana tanggungjawab pengajaran pelajar-pelajar OKU di peringkat sekolah rendah dan menengah diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pelbagai inisiatif dirangka dalam memastikan tiada keciciran berlaku terhadap pelajar OKU ini. Usaha berterusan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada golongan OKU untuk mengembangkan potensi diri secara optimal. Namun, apabila golongan OKU ini melanjutkan pengajian di peringkat tinggi, keadaannya sedikit berbeza. Tugas menyediakan akses dan keperluan di kebanyakan institusi pengajian tinggi (IPT) adalah di bawah inisiatif dan tanggungjawab pengurusan institusi berkenaan. Ini diperakui oleh Hasnah Toran et al. (2009) yang menyatakan bahawa pihak IPT perlu memenuhi hak sosial golongan OKU dengan menyediakan persekitaran mesra OKU dan perkhidmatan sokongan secara percuma. Sekiranya pendidikan dan keperluan pelajar OKU ini tidak diuruskan dengan betul dan tidak dipenuhi secara spesifik, berkemungkinan besar pelajar daripada golongan ini akan tercicir daripada sistem pendidikan negara dan mereka juga tidak dapat mengembangkan potensi diri sepenuhnya. Bagi mencapai matlamat ini, institusi pengajian perlu menyediakan sokongan dan keperluan pembelajaran yang sepatutnya bagi membolehkan pelajar OKU mencapai potensi masing-masing.

Dalam hal ini, kakitangan akademik selaku pihak yang mempunyai akses terus serta berkala dengan pelajar OKU terutamanya di sepanjang sesi pembelajaran dilihat sebagai pihak yang seharusnya menggalas peranan penting ini. Hal ini demikian kerana, kakitangan akademik yang pernah mengendalikan pelajar OKU pasti setidaknya-tidaknya mempunyai pengetahuan asas berkaitan keperluan OKU di institusi pengajian hasil daripada pengalaman dan pengamatan mereka, berbanding dengan pihak yang jarang berurusan terus dengan pelajar OKU ini. Justeru, kakitangan akademik perlu mempunyai ciri-ciri kasih sayang dan keikhlasan, pengetahuan mendalam tentang OKU, sikap positif dan penerimaan tanpa syarat terhadap OKU, dan konsistensi yang berserta motivasi berterusan (Supiah, 2006). Selain itu, kakitangan akademik atau pensyarah juga berperanan dan harus menyedari kepentingan kaedah dan teknik dalam mengendalikan emosi terutama dalam mengendalikan pelajar OKU di institusi mereka (Arman, 2020). Jika kakitangan akademik mempunyai sikap negatif terhadap pendidikan pelajar OKU, maka ia akan menjadi satu halangan dalam pengajaran dan pembelajaran OKU yang berkesan (Martin, 2003).

Kakitangan akademik di Universiti merupakan sumber penting dalam pendidikan golongan OKU di peringkat yang tertinggi. Mereka perlu mempunyai kemahiran yang pengetahuan yang

mendalam terhadap kemahiran yang diajar dan mempunyai imaginasi yang tinggi serta berinovasi dalam pendekatan pengajaran kepada pelajar OKU. Hal ini disebabkan oleh pelajar OKU memerlukan kaedah pengajaran yang berbeza dengan pelajar normal. Kakitangan akademik yang mempunyai pelajar OKU perlu lengkap dengan kemahiran menggunakan alatan dan bahan pengajaran dengan baik bagi membantu pelajar OKU memahami sesuatu konsep dengan mudah (Abdul Rahim et al., 2006; Pratt & Stewart, 2002). Mereka juga perlu memperoleh pengetahuan dan kemahiran teknikal yang khusus berkaitan dengan pengurusan golongan OKU, misalnya pengetahuan dan kemahiran berkaitan keperibadian, sosial dan budaya serta perundangan OKU (World Vision International, 2007). Frith (1991) telah menjalankan kajian untuk mengenalpasti hal salah anggap dan kebimbangan sebenar pensyarah yang ditugaskan mengajar pelajar OKU. Pensyarah yang kurang pengalaman menyuarakan kebimbangan mereka tentang pengendalian pelajar OKU sebanyak (78%), masa lebih yang terpaksa diberi kepada pelajar OKU dalam menyiapkan tugas (50%), kekurangan bahan mengajar (57%), bertanggungjawab mengawal selia pelajar (41%) dan dokumentasi dan menyimpan rekod (50%).

Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran pula, kakitangan akademik yang mengajar OKU perlu mempunyai sikap toleransi dalam pelaksanaan tugas yang diberikan kepada pelajar dengan mengambil kira kesukaran yang dihadapi oleh golongan OKU ini (Raja Nur Fakhriah & Aizan Sofia, 2018). Sikap toleransi yang ditunjukkan misalnya dengan cara memberikan tugas secara berperingkat sangat membantu pelajar OKU dalam proses pembelajaran mereka. Di samping itu, kakitangan akademik juga perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran strategi pengajaran yang praktikal serta kepakaran khas tentang OKU seperti bahasa isyarat atau braille (Dobbins et al., 2009; Supiah, 2006; World Institute on Disability, 2005). Pengetahuan dan kemahiran berkaitan OKU ini adalah penting bagi membolehkan kakitangan akademik berkenaan menjalankan tugas dengan efisien.

4. KESEDARAN KAKITANGAN TERHADAP KEPERLUAN OKU DI IPT

Sistem pendidikan untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas kini telah menuju ke arah program yang lebih inklusif dimana pelajar-pelajar berkeperluan khas ini turut mendapat pendidikan yang sama dengan pelajar-pelajar tipikal yang lain. Bagi mencapai objektif pembelajaran pelajar OKU, semua pihak yang terlibat terutamanya kakitangan akademik perlu mempunyai kerjasama yang erat dengan pihak pengurusan IPT bagi membolehkan segala keperluan yang diperlukan oleh pelajar OKU dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Masalah pengurusan pembelajaran yang lemah disebabkan faktor kakitangan akademik tidak cekap atau tidak terlatih menuntut keterlibatan kakitangan akademik ini sebagai pencetus idea, pembimbing dan fasilitator bagi melahirkan suasana pembelajaran yang mencakupi semua bidang kemahiran sebagai sumber kepada pembinaan modal insan. Suasana pembelajaran yang kondusif, menyeronokkan, bermotivasi, kreatif menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berfokus. Kejayaan pengurusan fizikal, sumber dan suasana pembelajaran yang kondusif adalah satu kelebihan. Penyediaan keperluan yang kondusif terhadap pelajar OKU dapat mempengaruhi peningkatan pembelajaran pelajar OKU tersebut di IPT (Mohamed Esa dan Alice, 2020).

Oleh yang demikian, melihat kepada faktor hubungan yang erat di antara pelajar berkeperluan khas dan kakitangan akademik meningkatkan keprihatinan dan kesedaran tentang keperluan pelajar ini. Menurut Noran Fauziah Yaakob, Fatimah dan Ahmad Jazimin (2009), untuk menjadi seorang yang dikasihi oleh pelajar, seorang guru itu mestilah mempunyai sikap yang peramah. Ia mewujudkan hubungan yang baik di antara pelajar dan pensyarahnya. Pensyarah merupakan elemen penting dalam sistem pendidikan. Cara dan teknik pengajaran yang berkualiti adalah hasil daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan pada suatu disiplin ilmu tersebut. Menyedari betapa penting tanggungjawab ini, mereka harus dan perlu mempunyai

pengetahuan yang terkini serta kesedaran mengenai keperluan pelajar OKU supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kekurangan kesedaran tentang keperluan pelajar OKU dalam pembelajaran boleh membawa akibat yang mungkin akan menjejaskan pencapaian pelajar. Berdasarkan statistik disediakan pihak KPT (2021) bilangan pelajar OKU di IPT semakin bertambah setiap tahun. Oleh yang demikian, pengetahuan pensyarah tentang pelajar OKU hendaklah ditingkatkan untuk mendidik pelajar OKU dengan lebih baik. Namun, hasil kajian daripada Raja Nur Fakhriah dan Aizan Sofia (2018) mendapati pelajar OKU penglihatan menghadapi masalah kurang berkeyakinan dalam mendepani cabaran, masalah kewangan dan stigma masyarakat.

Oleh itu, kesedaran tentang peranan utama yang dimainkan oleh pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar OKU di IPT adalah penting untuk memastikan pensyarah mempunyai pengetahuan yang terkini mengenai cara pengendalian pelajar-pelajar OKU. Anderson dan Loynes (1987) telah mengkaji 135 pensyarah di Pennsylvania untuk menilai pengetahuan mereka mengenai masalah pembelajaran dan persediaan mereka untuk bekerja bersama pelajar OKU. Kajian ini cuba mencari maklumat tentang persediaan mengajar guru, pengetahuan dan pengalaman mengenalpasti dan mengajar pelajar berkeperluan khas. Dapatan mendapati 82% daripada jumlah responden melaporkan mereka pernah mengenal pasti pelajar OKU tetapi hanya 21% rasa mereka memahami konsepnya. Kesedaran di kalangan kakitangan akademik penting bagi menimbulkan rasa kebertanggungjawaban dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar OKU. Kesedaran ini yang menjadikan kakitangan akademik cakna dan ambil peduli tentang keperluan pelajar OKU. Kekurangan yang ada pada para pelajar menjadikan mereka sukar untuk menyampaikan hasrat dan idea kepada pihak pengurusan dan sehubungan itu, tugas ini turut perlu digalas oleh kakitangan akademik selain daripada tugas penyampaian ilmu pengetahuan.

Bagi memenuhi keperluan pelajar OKU daripada pelbagai kategori masalah yang dihadapi, pelbagai peranan perlu dimainkan oleh kakitangan akademik dalam mewujudkan kesedaran terhadap keperluan OKU di IPT antaranya:

- i. Keperluan bersuara kepada pihak berwajib di dalam fakulti dan IPT mengenai keperluan yang perlu disediakan kepada pelajar OKU.
- ii. Menyediakan bahan-bahan maklumat pengajaran dan pembelajaran berkaitan pendidikan khas untuk disebarkan kepada pelajar OKU.
- iii. Memberikan konsultasi dan motivasi kepada pelajar OKU.
- iv. Mewujudkan kolaborasi dengan IPT lain serta Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk dijadikan penanda aras dalam menambah baik keperluan pelajar OKU di IPT.
- v. Menghapuskan diskriminasi dalam kalangan kakitangan akademik terhadap pelajar OKU atas sebab ketidakupayaannya.
- vi. Mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar-pelajar tipikal lain mengenai hak OKU dalam mendapatkan pendidikan di IPT.

5. METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kaedah pendekatan kualitatif digunapakai dalam kajian ini. Maklumat kajian diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual dengan pihak yang telah dipilih iaitu kakitangan akademik dan pelajar OKU. Berdasarkan kaedah temu bual, pengkaji dapat memperolehi maklumat berkaitan dengan objektif kajian. Kaedah ini dijalankan bagi individu yang tidak mempunyai masa atau kurang faham untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Soalan dirangka dengan lebih terperinci kemudian dikembangkan selari dengan respons yang signifikan serta memberangsangkan yang diberikan oleh informan (Cohen & Uphoff, 1977). Antara informan utama kajian ini ialah kakitangan akademik dan pelajar OKU. Bagi menjelaskan peranan kakitangan

akademik dalam mewujudkan kesedaran terhadap keperluan OKU di IPT serta menilai keperluan pembelajaran pelajar OKU semasa pengajian kaedah ini digunapakai.

6. ANALISIS TEMUBUAL MENDALAM

Populasi yang ingin diselidiki lazimnya ialah kumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang ditetapkan. Merujuk kajian ini, fokus kajian tertumpu kepada kakitangan akademik yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan pelajar OKU di persekitaran mereka manakala dalam konteks temu bual, fokus kajian merujuk kepada kakitangan akademik yang mengajar pelajar OKU serta pelajar OKU di dua buah IPT yang menerima pelajar OKU iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Di dalam kajian ini, fokus temu bual mendalam adalah dengan sebelas (11) orang responden yang terdiri daripada enam (6) orang kakitangan akademik yang mengajar pelajar OKU dan lima (5) orang pelajar OKU daripada kategori cacat penglihatan, pendengaran dan lain-lain kategori. Setiap informan diberikan kod tertentu. Reka bentuk kajian ini digunakan adalah untuk mendapatkan input berkenaan keperluan pembelajaran OKU semasa pengajian serta peranan yang dimainkan oleh kakitangan akademik dalam mewujudkan kesedaran terhadap keperluan OKU di sesebuah IPT.

7. HASIL DAPATAN KAJIAN

Persembahan data transkrip dibuat berlandaskan kepada objektif kajian. Hasil dapatan ini akan diperjelaskan berdasarkan tema-tema tertentu.

a. Sistem Sokongan

Pihak kakitangan akademik khususnya pensyarah sentiasa mengambil berat dan memberi sokongan moral kepada pelajar OKU. Mereka menerima kehadiran pelajar OKU dengan hati terbuka dan sentiasa berusaha memberikan yang terbaik buat pelajar-pelajar OKU. Malah, mereka juga turut menghadiri kursus atau bengkel yang berkenaan dengan cara pengajaran OKU misalnya kursus bahasa isyarat bagi memudahkan proses komunikasi antara pensyarah dan pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa pensyarah sedar dan cakna dengan keperluan pelajar OKU ini.

“...Jadi, kalau kita jumpa di tepi jalan kan, kita ramah mesra, Assalamualaikum kan. Kemudian, kita dalam kelas kita dapati ada pelajar-pelajar yang istimewa ni kita personal touch dengan dia. Contohnya kita tanya, okay Muhammad macam mana faham ke tidak...”

“...Kami decide masa tu kami bagi suguhati la temu ramah. Ambil sikit bajet geran tu, kita bagi sikit sebagai token. Kemudian, kita respon la apa sahaja luahan yang mereka sampaikan. Sebenarnya kita kena dekati mereka sebab mereka nak share cerita tak tahu pada siapa sebab mereka tak nampak. Mereka pun tak kenal siapa pensyarah ni kan. Tapi bila mendengar suara pensyarah yang mengambil berat, mereka akan cerita sedikit demi sedikit dia punya masalah.”

(Informan A)

“...Kita ada PA penasihat akademik masing-masing kan. PA sem satu tu dia akan jumpa balik, dia akan berkenalan, dia akan cerita dulu face-to-face dengan PA tu apa masalah...”

“Haaa kursus untuk belajar bahasa isyarat untuk pensyarah-pensyarah. Pastu kadang kita ada program luar dengan komuniti Bukit Jelutong. Diorang akan panggil budak-budak OKU ni buka puasa la gotong royong la sama-sama. Dapat la macam-macam sedekah la apa kan. Ada industri yang nak ambil student LI pastu yang dah habis belajar pun ada industri cari.”

“...Jabatan Pengajian Politeknik akan buat kursus untuk semua pensyarah yang mengajar. Tak kira la daripada Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) ke Politeknik Ungku Omar (PUO) ke. Diorang buat satu tempat, semua pergi kursus dekat situ...”

“Diorang dekat asrama, seminggu sekali ada malam, diorang akan belajar bahasa isyarat la. Tu dia inisiatif AJK asrama tu la kot nak membantu kawan-kawan dia ni kan.”

(Informan B)

“Macam saya ni sepanjang satu sem dalam kelas takde la pandai pun bagi saya la. Tapi at least macam puan tak kata kamu ni tak boleh ni. Puan akan cuba sedaya upaya dan cari jalan terbaik untuk cari peluang supaya saya ni terus belajar ke semester akan datang. Kiranya ada pendorong macam puan ni kira bagus la untuk OKU sebenarnya.”

Pihak pengurusan dan pentadbiran Universiti juga memainkan peranan dengan menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pelajar OKU sepertimana yang dikatakan oleh informan Hanif yang merupakan bekas pelajar jurusan Komunikasi di KUIS.

(Informan C)

“Macam contoh dekat KUIS kan ada van untuk ke ktm kan. Mereka memang dah kenal saya. Contoh ya. Jadi mereka memang. Kalau andai kata saya nak balik rumah time tu saya akan naik van turun ke ktm dan mereka akan bantu la. Kiranya dari sudut tu memang kemudahan van dekat situ memang okay la untuk pelajar-pelajar universiti kan untuk mereka nak ke sana sini. Lebih mudah la...”

Usaha pihak kerajaan dalam memberi bantuan tajaan dan biasiswa kepada golongan pelajar OKU ini sangat membantu mereka dalam melanjutkan pengajian di peringkat tinggi.

(Informan C)

“...Okay la juga dia punya graduan ni. Sebab diorang belajar ni dapat elaun. Satu semester RM3000 lebih. Dapat biasiswa bukan pinjaman... Daripada Pengajian Tinggi bagi untuk biasiswa...”

(Informan B)

b. Sistem Penilaian Kurikulum dan Kokurikulum

Sokongan ini diberikan kepada pelajar OKU untuk membantu mereka dalam pelajaran. Antaranya adalah dengan memberi tambahan tempoh masa menjawab ketika dalam peperiksaan, menyediakan nota tambahan yang lebih mudah difahami serta menyediakan struktur PnP mengikut tahap mereka. Hal ini bertujuan bagi memudahkan proses penilaian akademik di samping memberi peluang kepada mereka untuk menimba ilmu dengan mudah dan seterusnya membuka peluang kepada mereka dalam sektor pekerjaan.

“...Contohnya, sebelum ni tak ada pun tambahan masa untuk OKU terutamanya autism ataupun yang buta, tulisan yang menulis lambat dan sebagainya. Tetapi sekarang Alhamdulillah, hasil temu bual saya dengan hampir 10-15 orang pelajar OKU ni, di antaranya mereka mencadangkan supaya dipanjangkan tempoh masa menjawab iaitu 30 minit. Yang kedua, kedudukan tempat peperiksaan itu di bawah bukan di DPU. Kalau sebelum ni BPA meletakkan pelajar-pelajar tu tanpa mengenal pasti di mana OKU kan. Tapi Alhamdulillah, pihak BPA menerima cadangan ini dan mulai semester lepas pun kita dah mula perasan anak-anak OKU ni diberi perhatian lebih la. 30 minit lewat menghantar kertas peperiksaan dan juga tempat peperiksaan juga di PKK...”

(Informan A)

“...Tapi sebab diorang hands-on banyak, diorang boleh buat projek okay. Jadi pensyarah okay je dengan markah dia. Jadi kehadiran kita tengok. Kehadiran kita tak terlalu rigid sangat la dengan

dia ni. Kalau dia dah boleh datang, dia dah boleh buat apa yang kita suruh buat tu maknanya dia dah okay la tu.”

“...Kalau diorang nota-nota, soalan periksa, kita mudahkan ayat dia...”

“...Kita bagi peluang belajar dekat sini untuk dapatkan kemahiran lepas tu dia akan terus masuk alam pekerjaan la. Mostly alam pekerjaan la. Sekarang ni ramai yang kerja dekat bengkel, bengkel kimpal, pastu electrician, pendawaian.”

(Informan B)

“...Kalau program yang saya jaga tu kitorang memang dari segi keperluan kokurikulum dia, kita memang dah rendahkan. So dari situ, kitorang punya assessment semua memang totally berbeza la. Sebab nama program tu sendiri dah berbeza...”

(Informan D)

“Agak-agak dia boleh faham tu kita bagi la markah. Bukan kata nak ambik full sangat, tak.”

“Periksa kadang kita buat kali kedua untuk dia. Saya ajar dulu kertas yang kita bagi sekali... Sebab target kita nak bagi dia faham...”

(Informan E)

8. PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam sistem pendidikan negara, pelajar OKU tidak dipinggirkan malahan mendapat perhatian dan peruntukan khusus daripada kementerian pendidikan dan kementerian kebajikan. Namun seringkali isu dibangkitkan berkaitan dengan keperluan pelajar OKU yang dirasakan kurang lengkap dan tidak mencukupi dari peringkat pendidikan rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Gesaan dan idea daripada NGO dan badan perseorangan untuk penambahbaikan keperluan OKU dalam bidang pendidikan membuahkan hasil berikutan perhatian penuh daripada pihak kerajaan telah meningkat akses pelajar OKU dari peringkat pendidikan rendah dengan tertubuhnya sekolah dan kelas pendidikan khas sehingga ke peringkat pengajian tinggi dengan adanya kuota khas untuk pelajar OKU yang cemerlang menyambung pengajian. Selain daripada keperluan fizikal dan kemahiran, keperluan tenaga pengajar juga amat penting bagi memastikan ilmu yang disampaikan diterima oleh golongan sasaran. Tenaga pengajar perlu bersedia dari fizikal dan mental dalam mendidik pelajar OKU kerana mereka memerlukan keperluan khas dan perhatian tambahan bagi memahami sesuatu perkara. Ini menuntut kesabaran dan ketabahan tenaga pengajar atau golongan pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Golongan pendidik juga memerlukan keperluan khas dan bantuan alat khusus dalam menyampaikan pendidikan kepada pelajar OKU.

Bagi merumuskan dapatan kajian, melalui analisis temu bual mendalam bersama pendidik dan pelajar OKU mendapati keperluan OKU disediakan pada tahap yang minima. Bagi kakitangan akademik, keperluan pembelajaran OKU didapati disediakan secara individu dan melalui inisiatif tenaga pengajar sendiri dalam menambah baik teknik pengajaran dan penyampaian.

Terkini kajian daripada Norhadila dan Mod Khairi (2021) menunjukkan hubungan yang signifikan antara persekitaran fizikal kampus dengan prestasi mahasiswa OKU. Kebolehcapaian fizikal yang lengkap mempengaruhi prestasi pelajar OKU dalam memudahkan proses pembelajaran. Hujahan ini turut di sokong oleh kajian daripada Mohamad Esa dan Alice Sabrina (2020) di sebuah Kolej Komuniti mendapati bahawa reka bentuk kemudahan OKU tidak mempunyai pendekatan yang khas bagi institusi pengajian tinggi dan terlalu terikat dengan keperluan asas golongan normal sahaja.

Melalui temu bual, kakitangan akademik memerlukan kursus-kursus yang mampu meningkat dan menambah baik penyampaian semasa pengajaran. Di KUIS, kakitangan akademik dan pelajar OKU berpendapat mereka memerlukan pendekatan untuk meningkatkan kemampuan pengajaran seperti kursus pembelajaran bahasa isyarat, braille, dan kemudahan perisian dan alatan yang dapat membantu pembelajaran. Di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hanya memerlukan capaian internet yang lebih baik berikutan pihak pengurusan telah menyediakan kursus berkaitan dalam meningkat mutu pengajaran, namun kakitangan akademik sentiasa berinovatif dan memperbaiki teknik penyampaian. Inisiatif sendiri daripada tenaga pengajar ini banyak membantu meningkatkan mutu PdP dan minat pelajar OKU dalam bidang akademik.

Tahap pengetahuan pensyarah sering dikaitkan dengan cara pengajaran iaitu seorang pensyarah perlu mempunyai pengetahuan tentang cara pengendalian pelajar OKU di IPT. Oleh itu, dapat dikaitkan di sini di mana pengetahuan dan pemahaman yang menyeluruh menyumbang kepada tingkah laku dan tindakan positif (Samsudin, 2002) di kalangan kakitangan akademik. Oleh kerana itu, pengetahuan seperti reka bentuk fasiliti dalam merancang pembangunan dan penerapan nilai-nilai murni yang perlu ada dan diamalkan terhadap pelajar OKU perlu diterapkan oleh pengurusan universiti agar persekitaran yang prihatin dan mesra OKU dapat diterapkan di kalangan mahasiswa. Pelajar dan kakitangan akademik yang peka dan prihatin akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang teratur dan baik untuk pelajar OKU. Sokongan daripada semua pihak adalah penting bagi meringankan beban pelajar OKU dalam proses menamatkan pengajian.

9. KESIMPULAN

Pendidikan tinggi bukan sahaja sekadar kelulusan yang diiktiraf tetapi ianya lebih kepada perkembangan sosiologi seseorang melalui peningkatan ilmu, perkembangan kemahiran sosial, penajanaan minda melalui pengalaman dan persekitaran. Kesemua elemen ini penting dalam memperkasakan belia dan membentuk peribadi. Dalam sistem pendidikan negara, pelajar OKU tidak dipinggirkan malahan mendapat perhatian dan peruntukan khusus daripada kementerian pendidikan dan kementerian kebajikan. Namun seringkali isu dibangkitkan berkaitan dengan keperluan pelajar OKU yang dirasakan masih kurang lengkap dan tidak mencukupi dari peringkat pendidikan rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Sesuatu perlu digembleng bagi memperjuangkan hak golongan OKU untuk mendapat akses dan ekuiti dalam pendidikan. Jaminan kepada akses dan ekuiti dalam pendidikan sangat penting dalam memperkasakan golongan OKU di negara kita. Berbeza dengan pelajar tipikal, pelajar OKU memerlukan persekitaran yang mesra OKU dan perkhidmatan sokongan bagi membantu mereka menempuh dan meningkatkan keupayaan diri melalui pengajian di IPT dengan optima. Oleh yang demikian, persekitaran mesra OKU merupakan liabiliti dan kewajipan pihak IPT untuk memenuhi hak sosial golongan OKU.

Selain itu, kesedaran dari pihak kakitangan akademik berperanan dalam menyampaikan dan menjelaskan suara-suara rintihan dan cadangan daripada pelajar OKU. Namun kesedaran sahaja tidak mungkin membuahkan hasil tanpa tindakan dan ambil peduli daripada pihak yang berautoriti. Keperluan pendidikan perlu dipenuhi oleh pihak berwajib. Kakitangan akademik dilihat menjiwai peranan dan sedar akan keperluan pelajar OKU, namun tindakan dan perubahan perlu dilakukan oleh pihak pengurusan institusi pengajian. Kakitangan akademik bertindak sebagai perantara dalam menyuarakan kekurangan yang perlu ditambah baik. Usaha-usaha murni dalam penambahbaikan keperluan pelajar OKU telah dimulakan hasil inisiatif daripada Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Siti Rahmah et.al (2019) melalui kajian dokumentasi mendapati bahawa wujud keperluan yang tinggi terutamanya bagi Universiti Awam (UA) ke arah solidariti dan aksesibiliti pelajar OKU penghayatan dalam pembelajaran menyumbang kepada peningkatan sendiri di kalangan pelajar OKU seterusnya menambah daya saing mereka untuk mendepani cabaran masa kini.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan, Ahmad Johari Sihes, Jamaluddin Ramli & Musa Ismail. (2006). Tahap Minat, Pengetahuan dan Kemahiran, Latihan Guru dan Beban Tugas Guru Program Pemulihan Khas Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor. Annual Conference on Teacher Education.
- Akta Orang Kurang Upaya.2008. (Akta 685). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Anderson, C. W., & Loynes, R. M. (1987). *The teaching of practical statistics*. John Wiley & Sons, Inc.
- Arman Abd Sani. (2020). Penyesuaian dalam Kalangan Siswa Guru Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan diSebuah Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*. Jilid XXXVII,105-112.
- Cohen, J. & Uphoff, N. (1977) *Rural Development Participation: Concepts and Measures for Project Design, Implementation and Evaluation*. Cornell University, Ithaka.
- Dobbins, N., Higgins, K., Pierce, T., Tandy, R.D. & Tincani, M. (2009). *An Analysis of Social Skills Instruction Provided in Teacher Education and In-Service Trainin Programs for General and Special Educators*. Remedial and Special Education 2009.
- Frith, U. (1991). *Asperger and his syndrome*. Autism and Asperger Syndrome,1-36. doi:10.1017/cbo9780511526770.001
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Norasuzaini Sujak. (2009). Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2), 18-29.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Nur Hazwani Hamzah. 2011. Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di sebuah IPTA di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* Vol. 2, No.2, 22-34
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob. (2015) Realiti dan Kesamarataan Hak Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Hurst, A. (1996) Reflecting on researching disability and higher education, dlm L. Barton (Pnyt.) *Disability and Society: emerging issues and insights* (pp. 123– 143). London: Longman.
- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). (2021). Kenyataan Media. Retrieved June 30, 2021. <https://www.mohe.gov.my/hebahan/kenyataan-media/peluang-melanjutkan-pengajian-kepada-pelajar-oku-bagi-pemohon-lepasan-spm-untuk-kemasukan-ke-ipta-dan-ilka-sesi-akademik-2021-2022?highlight=WyJva3UiXQ==>
- Lei, Q. (2007). EFL teachers“ factors and students“ affect. *US-China Education Review*, 4(3), 60-67. doi:10.2307/1170741

- Martin, J. (2003). *Kebimbangan Ibu Bapa yang Mempunyai Anak Cerebral Palsi*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Esa, Ezlina; Ismail, Alice Sabrina. (2020) Analisis Kemudahan Prasarana Pelajar Orang Kurang Upaya di Kolej Komuniti, *Journal of Social Science Advanced Research*, v. 1, n. 2, p. 61-75.
- Noran Fauziah Yaakub, Fatimah Haron, & Ahmad Jazimin Jusoh (2009). *Manual Guru: Pencegahan Buli di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.
- Norasmah Othman & Rofilah Md. Said (2013). Tahap Kesiediaan Guru Sekolah Menengah Harian Mengamalkan Kepimpinan Tersebar. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 64:1, hlm 93–100. Dimuat turun daripada <http://www.jurnalteknologi.utm.my>
- Norhadilah Abdul Hamid & Mohd Khairi Akmal Johari (2021) Hubungan Kebolehcapaian Persekitaran Fizikal Kampus Terhadap Prestasi Mahasiswa Orang Kelainan Upaya di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia *Research in management of Technology* vol (2) no. (1) Universiti Tun Husin Onn Malaysia.
- Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022. Retrieved June 30, 2021. [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU\(EMAIL\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU(EMAIL).pdf)
- Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022. Retrieved June 30, 2021. [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU\(EMAIL\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU(EMAIL).pdf)
- Pratt, C. & Stewart, R. (2002). *Teaching Students Who Are Low-Functioning: Who Are They and What Should We Teach?* BBB Autism Support Network. The Indian Resource Center for Autism.
- Raja Nur Fakhriah Raja Zainal Badri & Aizan Sofia Amin. (2018). Isu dan Cabaran Pelajar Kurang Upaya Penglihatan di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (3), 131-145.
- Samsudin A. R. (2002). Media dan Identiti Budaya Ke Arah Membangkitkan Budaya Tahan. *Jurnal Komunikasi*. 17, 67-80.
- Scheuermann, B., Webber, J., Boutot, A., & Goodwin, M. (2003). Problems with personnel preparation in autism spectrum disorders. *Focus on Autism and Other Developmental Disabilities*, 18(3), 197-206.
- Siti Rahmah Ahmad Razuan, Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Adnan Mohamed Yusoff, Noornajihan Ja'afar dan Nurul Asiah Fasehah Muhamad (2019) Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI) *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* (special issues) Vol. 20 No. 2.
- Supiah Saad. (2006). *Komitmen dan Peranan Guru dalam Pelaksanaan Pendekatan Pendidikan Inklusif di Malaysia*. Seminar Penyelidikan Pendidikan. Maktab Perguruan Batu Lintang, Sarawak.

Wan Sabri Wan Husin, M.Z. (2013). "Model Pembangunan Institusi Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa". The 3rd Annual International Quranic Conference. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya.

Wan Sabri Wan Husin, M.Z. (2013). "Model Pembangunan Institusi Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa". The 3rd Annual International Quranic Conference. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR), Universiti Malaya.

WHO. (2020). 10 Facts on disability. Retrieved June 30, 2021, from World Health Organization: <https://www.who.int/news-room/facts-in-pictures/detail/disabilities>

WHO. (2020). 10 Facts on disability. Retrieved June 30, 2021, from World Health Organization: <https://www.who.int/news-room/facts-in-pictures/detail/disabilities>

World Institute on Disability. (2005). Treating Adult with Physical Disabilities: Access and Communication, A Training Curriculum for Medical Professionals on Improving the Quality of Care for People with Disabilities. Oakland, USA: Center for Health Care Strategies, Kaiser Permanente Foundation, California Health Care Foundation.

World Vision International. (2007). Written Statement Prepared for the 4th Session of the Human Rights Council: Geneva. March 2007.

Dr Hazlin Falina Rosli (Coresponding Author)
Fakulti Pengurusan dan Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.
Email: hazlinfalina@kuis.edu.my

Safura Ahmad Sabri
Fakulti Pengurusan dan Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.
Email: safura@kuis.edu.my

Nurfikhriah Takril
Fakulti Pengurusan dan Muamalah,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.
Email: nurfikhriah@kuis.edu.my